


Oleh Presiden
Thomas S. Monson



Perjanjian Yang Berharga Dari Kitab Mormon

Banyak tahun lalu saya berdiri di tepi katil seorang ayah yang muda semasa dia hampir kematian. Isteri dan dua orang anak mereka yang dukacita berdiri dekat. Ayah itu memegang tangan saya dan, dengan air muka yang merayukan, berkata, “Uskup, saya tahu saya akan mati. Beritahu saya apa yang akan berlaku kepada roh saya bila saya mati.”

Saya berdoa dengan diam-diam demi bimbingan syurgawi dan menampak pada tepi katilnya satu salinan kitab suci bergabung (Kitab Mormon, Ajaran dan Perjanjian, Mutiara Yang Berharga). Saya mencapai buku itu dan megipaskan muka surat-muka suratnya. Dengan tiba-tibanya saya berhenti pada bab 40 di Alma dalam Kitab Mormon, tanpa usaha dari pihak saya. Saya bacakan kata-kata ini kepada lelaki itu:

“Lihatlah, itu telah disingkapkan kepadaku oleh seorang malaikat, bahawa roh semua orang, sesegera mereka pergi dari tubuh fana ini, . . . dibawa pulang kepada Tuhan itu yang memberi mereka kehidupan.

“Dan . . . roh dari mereka yang soleh diterima ke dalam keadaan kebahagiaan, yang disebut firdaus, suatu keadaan istirahat, suatu keadaan damai, di mana mereka akan beristirahat dari segala kesusahan mereka dan dari segala kekuatiran, dan dukacita” (Alma 40:11–12).

Semasa saya terus membaca tentang Kebangkitan, satu sinaran muncul pada muka lelaki muda itu dan dia bersenyum. Bila saya menamatkan kunjungan saya, saya berucap selamat tinggal kepada keluarga yang manis ini.

Saya nampak isteri dan kanak-kanaknya pada penguburannya kemudian. Saya mengingat pada malam itu bila lelaki muda itu merayu demi kebenaran dan, dari Kitab Mormon, dia mendapat jawapan kepada soalnya.

Dalam Kitab Mormon adanya perjanjian lain yang berharga, termasuk perjanjian kedamaian, kemerdekaan, dan berkat-berkat jika kita “akan melayani Tuhan negeri ini, yang adalah Yesus Kristus” (Eter 2:12).

Dalam muka surat-muka surat kitab ini adanya perjanjian “kebahagiaan yang tak pernah berakhir” kepada “mereka yang menaati perintah-perintah Tuhan. Kerana lihatlah, mereka diberkati dalam segala hal, baik duniawi maupun rohani” (Mosia 2:41).

Dalam muka surat-muka surat kitab ini adanya perjanjian “sukacita yang tak terfahami” kepada mereka yang menjadi “alat dalam tangan Tuhan” dalam penyelamatan putera dan puterinya yang berharga (Alma 28:8; 29:9).

Dalam muka surat kitab ini adanya perjanjian

bahawa bani Israel yang dicerai-beraikan akan dikumpul—satu kerja yang kita mengambil bahagian melalui usaha mubaligh yang hebat kita di seluruh dunia (lihat 3 Nefi 16; 21–22).

Dalam muka surat kitab ini adanya perjanjian bahawa bila kita berdoa kepada Bapa dalam nama kudus Yesus Kristus, keluarga kita akan diberkati (lihat 3 Nefi 18:21).

Dari pengajian muka surat-muka surat kitab ini datangnya penunaian perjanjian wahyu bahawa “kehidupan dan rumah tangga anda akan bertambah Roh Tuhan, satu resolusi yang diperkukuhkan untuk berjalan dalam pematuhan kepada perintah-perintahNya, dan satu kesaksian yang lebih kuat demi kenyataan hidup tentang Putera Tuhan.”¹

Dan dalam muka surat Kitab Mormon adanya perjanjian Moroni bahawa melalui doa, niat yang benar, dan iman dalam Kristus, kita akan mengetahui kebenaran tentang perjanjian-perjanjian ini “melalui kuasa Roh Kudus” (lihat Moroni 10:4–5).

Bersama nabi-nabi zaman akhir yang lain, saya bersaksi tentang kebenaran “buku yang paling benar dari semua buku dalam dunia ini,”² iaitu Kitab Mormon,

satu kesaksian lagi tentang Yesus Kristus. Pesanannya merentangi bumi ini dan bawa kepada pembacanya satu pengetahuan tentang kebenaran. Adalah kesaksian saya bahawa Kitab Mormon mengubah hidup. Semoga kita setiap orang baca dan baca sekali buku ini. Dan semoga kita berkongsi kesaksian kita tentang perjanjian-perjanjian yang berharga bersama semua anak-anak Tuhan dengan sukacita.

CATATAN-CATATAN

1. Gordon B. Hinckley, “A Testimony Vibrant and True,” *Liahona*, Ogos. 2005, 6.
2. *Ajaran Presiden-Presiden Gereja: Joseph Smith* (2007), 64.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Dalam kitab suci “kita mendapati asas-asas kebenaran yang akan menyelesaikan setiap kekeliruan dan setiap masalah dan setiap dilema yang akan menemui keluarga manusia” (*Teaching, No Greater Call*[1999], 51). Semasa anda mengongsikan pesanan Presiden Monson bersama keluarga, jemput mereka untuk mendengar “perjanjian yang berharga” yang diidentifikasi olehnya dalam Kitab Mormon. Anda boleh juga mengongsikan satu perjanjian dalam Kitab Mormon yang bererti kepada anda.



Jika Kita Tidak Meragu

Pelajarilah pesanan ini dan, sebagaimana sesuai, berbicara mengenainya dengan saudari-saudari yang anda kunjungi. Gunakanlah soalan-soalan yang diberikan untuk menolong anda menguatkan para saudari yang anda ajar dan juga untuk membuat Lembaga Pertolongan suatu bahagian yang giat dalam kehidupan anda.

Dalam Kitab Mormon kita baca tentang pemuda yang patut dicontohi yang sangat gagah, berani, dan kuat. “Ya, mereka adalah para pria dengan kebenaran dan kesungguhan, kerana mereka telah diajari untuk menaati perintah-perintah Tuhan dan untuk berjalan dengan lurus di hadapanNya” (Alma 53:21). Pemuda yang beriman ini memberi penghormatan kepada ibu mereka—teladan dan guru mereka.

Para ibu pahlawan Helaman hidup pada zaman yang tidak berbeza dengan zaman kita. Keadaan mereka susah dan bahaya, dan para remaja dipanggil untuk menahan kebebasan jasmani dan kebebasan rohani. Hari ini kita hidup dalam dunia di mana kita “tidak berjuang melawan manusia, tetapi melawan segala kuasa jahat di angkasa, iaitu roh-roh yang berkuasa dan yang memerintah zaman yang gelap ini” (Efesus 6:12).

Masa yang mencabar menyeru para ibubapa dan teladan yang kuat untuk mengajar kebenaran yang diketahui oleh pahlawan Helaman: “Jika mereka tidak ragu, Tuhan akan membebaskan mereka” (Alma 56:47). Mengajari dan menjadi satu teladan tentang kebenaran ini pada hari ini memerlukan

kewaspadaan. Tetapi, kita tidak perlu takut. Bila kita sedar tentang siapakah kita dan siapakah Tuhan dan kita sudah buat perjanjian denganNya, kita—seperti para ibu pahlawan itu—akan menjadi pengaruh demi kebaikan.

Memang berkemungkinan, setiap orang dari 2,060 pahlawan Helaman dipengaruhi oleh seorang ibu. Tetapi para ibu ini tidak bertindak secara bersendirian. Bersama-sama lelaki dan perempuan lain yang soleh, para ibu ini mesti sudah menyatukan iman dan teladan mereka untuk mengajar kuasa perjanjian. Para pemuda hari itu memahami perjanjian yang dibuat oleh ibubapa mereka untuk tidak mengam-bil bahagian dalam peperangan. Dan walaupun ternampaknya tidak berkemungkinan, Bapa Syurgawi yang seorang penyayang menunjukkan satu jalan kepada para ibubapa itu untuk menjaga perjanjian mereka—dan untuk menjaga kebebasan mereka (lihat Alma 56:5–9). Kita juga mesti menjaga perjanjian kita supaya anak-anak dan para pemuda—anak-anak kita sendiri dan dalam bahagian, cabang, kawasan tetangga, dan komuniti—akan memahami dan menyokong penjagaan perjanjian.

Bila kita menjaga perjanjian kita, Bapa Syurgawi boleh menyediakan jalan bagi kita. Kita harus menjaga perjanjian-perjanjian kita dengan ketepatan. Sebagai contohnya, kita boleh menjadi tepat dalam doa, dalam pengajian kitab-kitab suci, dalam pemilikan satu sijil rekomen bait suci, dalam berpakaian dengan sopan, dalam menghormati Hari Sabat. Bila kita berlaku demikian, anak-anak kita akan tahu dan boleh berkata, “Kami tidak ragu ibu kami mengetahuinya” (Alma 56:48).

Para wanita Zaman Akhir yang sedar bahawa kekuatan mereka datang dari Penebusan Tuhan tidak menyerah diri pada masa yang sukar dan yang tidak menggalakkan. Sebagai penjaga perjanjian, kita cemerlang dalam mempertahankan, mengasuh, dan melindungi anak-anak dan pemuda supaya pada satu hari nanti kita boleh berkata kepada generasi muda, “Belum pernah aku melihat keberanian yang demikian besar, tidak, tidak di antara semua orang” (Alma 56:45).

Julie B. Beck, presiden umum Lembaga Pertolongan.

Dari Tulisan Suci

Alma 53; 56–58

Apa yang Dapat Saya Lakukan?

- 1.** Bagaimana saya boleh menolong para saudari untuk mengenali dan bertindak di atas kuasa yang mereka miliki untuk mempengaruhi generasi muda?
- 2.** Ilham apakah akan dapat saya cari dalam Kitab Mormon untuk menjawab cabaran-cabaran yang saya temui hari ini?

Untuk maklumat lebih lanjut, layari www.reliefsociety.lds.org.